

Import barang elektrik tanpa permit lebih RM550,000

IPOH - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak menumpaskan cubaan mengimport barangan elektrik tanpa permit bernilai RM581,850 di Pusat Pemeriksaan Kastam Bersepadu (ICIC), Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor pada Januari dan Februari lepas.

Pemangku Pengarah JKDM Perak, Suzana Sarif berkata, cubaan mengimport barangan itu membabitkan dua syarikat di Selangor melibatkan duti atau cukai berjumlah RM186,192.

Beliau berkata, kes pertama dikesan pada 27 Januari lepas, kira-kira 10.30 pagi oleh sepasukan anggota daripada Cawangan Penguatkuasa JKDM Stesen Ipoh yang telah membuat pemeriksaan kontena di pusat pemeriksaan itu.

"Hasil pemeriksaan menemukan sejumlah 3,954 unit periuk nasi elektrik pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM193,650 dengan anggaran duti berjumlah RM61,968," katanya pada sidang media di sini pada Jumaat.



Suzana (tengah) melihat pelbagai barangan elektrik tanpa permit yang dirampas pada sidang media di JKDM Perak pada Jumaat.

Beliau berkata, kes kedua pula dikesan sepasukan Cawangan Penguatkuasa JKDM Stesen Teluk Intan yang membuat pemeriksaan di pusat pemeriksaan sama, kira-kira jam 12 tengah hari pada 6 Februari lepas.

Suzana berkata, hasil pemeriksaan terhadap kontena itu menjumpai sejumlah 3,328 unit pengisar (*blender*) pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM388,200 dengan anggaran duti berjumlah RM124,224. - *Bernama*